

**TERMA DAN SYARAT  
PERTANDINGAN VIDEO PENDEK IBRAH DARI SURAH LAZIM  
(12 TAHUN KE BAWAH) - ANAK QURANI: KISAH DARI SURAHKU  
SEMPENA MAJLIS TILAWAH DAN HAFAZAN AL QURAN PERINGKAT  
KEBANGSAAN (MTHQK) 1447/2026**

**1. MAKLUMAT PERTANDINGAN**

1. Pertandingan Video Pendek ini merupakan anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sempena Majlis Tilawah Dan Hafazan Al Quran Peringkat Kebangsaan (MTHQK) 1447/2026.
2. Tempoh pertandingan adalah dari **10 hingga 19 April 2026**. Video hendaklah dimuat naik selewat-lewatnya pada jam **5.00 petang 19 April 2026**.
3. Penyertaan pertandingan adalah melalui muat naik di salah satu media sosial Facebook, Instagram, atau Tiktok dan *Tag* Media Sosial JAKIM (myjakim) pada video yang dihasilkan. *Copywriting* video **hendaklah** disertakan **SEMUA** hashtag berikut:

#PertandinganVideoPendek  
#KalamIlahiTradisiDiwarisi  
#AlQuranDalamKehidupan  
#MTHQK2026  
#JakimUntukUmmah

\*Peserta pertandingan **hendaklah** menetapkan akaun media sosial kepada **tetapan public**

4. Pemenang akan diumumkan melalui media sosial rasmi JAKIM pada **23 April 2026**.

**2. KELAYAKAN PENYERTAAN**

5. Pertandingan ini dikhaskan bagi kategori umur 12 tahun ke bawah.
6. Terbuka kepada warganegara Malaysia.
7. Penyertaan boleh disertai sama ada secara **individu atau berkumpulan**. Penyertaan secara **berkumpulan** hendaklah **tidak melebihi 3 orang** bagi satu kumpulan.
8. Penyertaan adalah **percuma**.

### **3. KONSEP PERTANDINGAN**

**Tema: Kalam Ilahi, Tradisi Diwarisi**

**Konsep:**

9. Pertandingan ini mengetengahkan elemen penceritaan kreatif yang menggabungkan kecelikan digital dengan penghayatan nilai spiritual berteraskan kalam Ilahi, sebagai panduan hidup yang terus relevan merentas zaman. Berlandaskan tema “Kalam Ilahi, Tradisi Diwarisi”, pendekatan ini menekankan bahawa ajaran al-Quran bukan sekadar warisan turun-temurun, tetapi suatu pedoman yang hidup dan mampu membimbing generasi masa kini dalam menghadapi cabaran dunia digital.
10. Melalui pertandingan ini, para peserta dikehendaki menghasilkan video yang memaparkan bagaimana nilai-nilai daripada surah-surah lazim dapat diterjemahkan dalam kehidupan digital seharian. Ini termasuk cara menangani isu seperti penyebaran maklumat tidak sah, tekanan emosi, pengaruh negatif media sosial, serta kepentingan menjaga adab, akhlak dan integriti dalam talian selari dengan ajaran yang diwarisi daripada generasi terdahulu.
11. Kandungan video hendaklah menonjolkan kesinambungan antara tradisi dan teknologi, dengan memperlihatkan bagaimana warisan nilai al-Quran terus menjadi panduan dalam membuat keputusan yang bijak, beretika dan bertanggungjawab dalam era digital. Elemen renungan (reflection) turut digalakkan bagi menyedarkan bahawa dalam dunia yang semakin moden, kekuatan spiritual yang diwarisi daripada kalam Ilahi tetap menjadi asas pembentukan jati diri yang unggul.
12. Pendekatan penceritaan adalah terbuka, termasuk:
  - Naratif kisah pendek
  - Monolog atau voice-over reflektif
  - Dokumentari pendek atau pengalaman sebenar
  - Penghayatan moden terhadap kisah atau nilai dalam Al-Quran

### **4. KANDUNGAN VIDEO**

13. Video hendaklah dihasilkan oleh idea asal dan kreativiti peserta serta tidak melanggar hak cipta yang pernah diterbitkan oleh mana-mana pihak.
14. Video yang **pernah menyertai atau memenangi** mana-mana pertandingan **tidak dibenarkan**.
15. Kandungan mestilah berinspirasi ayat Al-Quran dan mengandungi mesej nilai murni. Sebarang rujukan ayat Al-Quran dan Hadis hendaklah tepat dan daripada sumber yang sah.
16. Penyertaan video yang mengandungi unsur percanggahan dengan nilai teras akidah, syariah dan akhlak akan ditolak.
17. Setiap pelakon di dalam video hendaklah berpakaian sopan, dan bersesuaian.
18. Muzik dan suara latar yang digunakan hendaklah bebas royalti. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan akibat pelanggaran hak cipta.

## **5. FORMAT VIDEO**

19. Tempoh video **tidak melebihi 2 minit**.
20. Spesifikasi video menggunakan **aspect ratio: 9:16 (digalakkan) atau 16:9** dengan resolusi minimum **1080HD**.

## **6. PENYERTAAN YANG DITOLAK**

21. Video yang dijana sepenuhnya menggunakan teknologi AI tanpa penglibatan kreatif peserta.
22. Penggunaan kandungan pihak ketiga tanpa kebenaran.
23. Video yang tidak mematuhi tema atau syarat teknikal pertandingan.

## **7. KRITERIA PENGHAKIMAN**

24. Penilaian akan dibuat berdasarkan:
  - i. **Keserasian Tema & Nilai (30%)**  
Sejauh mana kandungan menepati tema dan menyampaikan mesej Al-Quran dengan tepat.
  - ii. **Kreativiti & Keaslian (25%)**  
Keunikan idea serta pendekatan penceritaan yang menarik.
  - iii. **Impak Emosi & Penceritaan (25%)**  
Keupayaan video menyentuh hati dan memberi kesan kepada penonton.
  - iv. **Kualiti Teknikal (20%)**  
Aspek visual, audio, suntingan dan keseluruhan persembahan.

## **8. HAK CIPTA**

25. Peserta bersetuju bahawa **sekiranya terpilih** sebagai pemenang:
  - i. JAKIM berhak menggunakan video bagi tujuan promosi melalui mana-mana saluran media; dan
  - ii. JAKIM berhak membuat suntingan terhadap video bagi tujuan promosi.

## **9. HADIAH**

- i. Hadiah adalah seperti berikut:

### **Kategori 12 tahun ke bawah:**

- **Johan:** RM500
- **Naib Johan:** RM300
- **Tempat Ketiga:** RM100

## **10. KEPUTUSAN PEMENANG**

- i. Keputusan pemenang yang telah dipilih oleh juri adalah **muktamad**. Sebarang pertikaian, bantahan dan rayuan tidak akan dilayan.
- ii. Peserta **hanya layak** memenangi **satu** hadiah sahaja.

## **11. LAIN-LAIN**

- i. Peserta **dianggap bersetuju** dengan semua terma dan syarat yang ditetapkan.
- ii. JAKIM **berhak menolak atau membatalkan** mana-mana penyertaan yang tidak mematuhi syarat.
- iii. JAKIM berhak meminda, mengubah dan/atau memansuhkan terma dan syarat ini atau melanjutkan, membatalkan, menamatkan atau menangguhkan pertandingan ini, pada bila-bila masa, atas budi bicara penuh dan mutlaknyanya. Apa-apa perubahan boleh dimaklumkan melalui kaedah yang dianggap sesuai oleh JAKIM, tidak terhad kepada pemberitahuan di portal JAKIM ([www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)) atau platform media sosial JAKIM.
- iv. Peserta hendaklah menanggung rugi pihak JAKIM sekiranya terdapat apa-apa tindakan, tuntutan, prosiding, kerugian, kos (termasuk kos guaman atas dasar tanggung rugi penuh), caj dan/atau perbelanjaan yang mungkin dibuat oleh pihak ketiga terhadap JAKIM berhubung tuntutan hak cipta atau lain-lain perkara berkaitan dengan video penyertaan yang diterima oleh JAKIM daripada peserta (sekiranya berkenaan).

## **PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada:

Sekretariat  
Pertandingan Video Kreatif  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

☎ WhatsApp: 03-8870 7000 / Call: 03-8870 7706

✉ Emel: [ukkjakim@islam.gov.my](mailto:ukkjakim@islam.gov.my)

🌐 Laman Web: [www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)